

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 13 JULAI 2020, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 2

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1432-L09446
Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan ekonomi semasa, prestasi pertumbuhan ekonomi negara dan kadar pengangguran masa kini.
2. PR-1432-L09478
Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Pandan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan persediaan dan tindakan yang diambil Kementerian dalam menangani dan mengukuhkan keselamatan siber negara hingga ke peringkat individu berikutan peningkatan kes penggodaman semasa PKP sebanyak 80.5% sebagaimana yang dilaporkan oleh CyberSecurity Malaysia melalui Berita Harian bertarikh 26 Mei 2020.
3. PR-1432-L09486
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah usaha yang dilakukan oleh Kementerian sebagai peneraju bidang teknologi dan inovasi negara dalam mempercepat proses digitalisasi (*digitalization*) perkhidmatan Kerajaan.
4. PR-1432-L08850
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah Kementerian mempertimbangkan pemberian diskaun ke atas cukai taksiran yang dibayar kepada DBKL bagi meringankan bebanan rakyat yang terjejas dengan penularan pandemik COVID-19.

5. PR-1432-L09693
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan penglibatan Malaysia dalam usaha sama sektor perkhidmatan kesihatan yang dibangunkan dengan negara-negara lain ketika ini bagi mengekang wabak COVID-19.
6. PR-1432-L10035
Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Lumut] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sejauh mana pihak Kementerian serius untuk menggantikan industri kelapa sawit dengan industri buluh.
7. PR-1432-L09659
Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah program yang disediakan oleh Agensi Nuklear Malaysia dalam usaha meningkatkan kemahiran teknikal berteraskan sains dan teknologi nuklear kepada rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19.
8. PR-1432-L09956
Datuk Ignatius Darell Leiking [Penampang] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan status semasa Persidangan APEC 2020 sama ada Persidangan Kemuncak APEC 2020 masih mengikut jadual dan apakah matlamat-matlamat APEC 2020 yang telah dikenal pasti.
9. PR-1432-L08830
Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah usaha-usaha bagi membantu para pekebun kecil persendirian komoditi lada, sawit dan getah kerana harga komoditi-komoditi tersebut terlalu rendah.
10. PR-1432-L09170
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan pendaftaran pengundi secara automatik dan penguatkuasaan usia kelayakan mengundi 18 tahun. Apakah kekangan, jika ada yang dihadapi oleh SPR bagi mempercepat pelaksanaan kedua-dua perkara tersebut.
11. PR-1432-L09402
Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan :-
 - (a) apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengeratkan perpaduan kaum di Malaysia; dan

- (b) apakah perancangan yang telah dirangka oleh Kementerian bagi mengenakan tindakan terhadap individu yang melakukan provokasi perkauman.

12. PR-1432-L10024

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha dan pelan strategik pihak Kementerian dengan Kementerian-Kementerian lain seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Belia dan Sukan dalam berkolaborasi bersama dalam usaha mengenal pasti remaja atau belia yang menghadapi penyakit mental.

13. PR-1432-L09023

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan langkah-langkah untuk menstabilkan dan menaikkan harga komoditi utama seperti kelapa sawit, getah, lada hitam, koko, kayu, kenaf dan sago. Apakah cabaran-cabaran utama yang dihadapi dan senaraikan langkah bantuan kepada pekebun kecil bagi membantu mengatasi cabaran itu.

14. PR-1432-L09056

Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menghantar balik ke lautan terbuka sebanyak 300 orang individu etnik Rohingya yang tiba di perairan Malaysia melalui bot pada Jun 2020.

15. PR-1432-L09766

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa pendapatan Tabung Haji pada tahun 2019 dan nyatakan secara terperinci punca pendapatan tersebut seperti daripada penjualan harta, keuntungan penjualan saham atau dividen dari syarikat-syarikat anak Tabung Haji dan sebagainya.

16. PR-1432-L10047

Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [Tambun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Negeri Perak khususnya di Daerah Kinta mempunyai pelbagai kawasan-kawasan perindustrian yang telah berusia seperti Kawasan Perindustrian Tasek, Kawasan Perindustrian Bebas Kinta, Kawasan Perindustrian IGB dan Kawasan Perindustrian Bercham. Infrastruktur asas sedia ada seperti jalan raya, perparitan dan lampu jalan di kawasan-kawasan ini berada dalam keadaan daif. Perhatian dari aspek naik taraf dan pembaikan am adalah perlu bagi mengekalkan daya saing kawasan-kawasan perindustrian ini. :-

- (a) berapakah jumlah peruntukan naik taraf infrastruktur kawasan perindustrian di Negeri Perak ; dan

(b) adakah Kerajaan akan mempertimbangkan untuk meningkatkan jumlah peruntukan tersebut.

17. PR-1432-L09203

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasrat Kerajaan Seksyen 309 Kanun Keseksaan untuk '*Decriminalise Attempted Suicide*' untuk menangani isu peningkatan jumlah cubaan membunuh diri di seluruh Malaysia.

18. PR-1432-L09823

Tuan R. Sivarasa [Sungai Buloh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini usaha memansuhkan hukuman mati mandatori dan sama ada Kerajaan baharu akan meneruskan usaha ini.

19. PR-1432-L08860

Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah efektif yang perlu segera diambil untuk mengatasi masalah kekurangan jurubahasa Cina di mahkamah-mahkamah seluruh negara memandangkan masalah ini pernah dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini pada tahun 2001.

20. PR-1432-L09966

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah peluang untuk Kementerian mendapat peruntukan yang cukup untuk infrastruktur kecil di Labuan yang mana terlalu banyak permohonan-permohonan dari ketua-ketua kampung di seluruh Labuan masih tertangguh pelaksanaannya.

21. PR-1432-L09218

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan bersedia untuk mewujudkan Institut Hal-Ehwal Parlimen (*Institute of Parliamentary Affairs*) untuk melatih Ahli-ahli Parlimen Dewan Rakyat dan Dewan Negara berkenaan pemahaman Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Persekutuan/Negeri.

22. PR-1432-L09077

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kepada imbalan dagangan (*balance of trade*) negara.

23. PR-1432-L09124
Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan Kerajaan dalam usaha penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen dan pengenalan semula Akta Perkhidmatan Parlimen.
24. PR-1432-L08977
Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [Batang Lupar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan serta perincian terbaharu Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) untuk Sarawak.
25. PR-1432-L09721
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah implikasi kewangan terhadap pengurusan Tabung Haji serta pelan tindakan yang sedang dan akan diambil ke atas Pengelola Jemaah Haji (PJH) disebabkan keputusan pihak Kerajaan tidak menghantar jemaah haji pada tahun 1441H/2020M.
26. PR-1432-L08769
Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibü] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa jumlah kanak-kanak yang telah menerima vaksin *pneumococcal* dan berapa jumlah yang telah dibayar oleh Kerajaan.
27. PR-1432-L10036
Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah Kerajaan sedar isu kaum dan agama telah digunakan semaksima dalam mencatur sentimen politik di negara ini. Bagaimana Kerajaan hendak membendung perkara tersebut dan apakah Kerajaan berhasrat untuk menggubal satu rang undang-undang yang berhubung kait dengan pelampau (*extreme*) kaum dan agama.
28. PR-1432-L08993
Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dasar Kementerian melantik secara kontrak doktor-doktor muda akan memberi kesan kepada peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat pakar seterusnya menjejaskan jumlah doktor pakar pada masa akan datang.

29. PR-1432-L09037
Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah langkah-langkah baharu yang telah diperkenalkan bagi meningkatkan lagi hasil pengeluaran kelapa sawit, dan pendapatan pekerja dalam sektor tersebut.
30. PR-1432-L09673
Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah perincian kepada Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) yang akan dimeterai pada akhir tahun nanti.
31. PR-1432-L09512
Dr. Ong Kian Ming [Bangi] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapa jumlah sasaran aplikasi (yang diluluskan) dari sektor pembuatan untuk penilaian Industri 4WRD, *Readiness Assessment* (RA) untuk tahun 2020. Bilakah permohonan untuk RA akan dibuka untuk sektor Perkhidmatan Pembuatan (*Manufacturing Services*). Berapa jumlah syarikat yang berjaya memohon dana RA Intervensi (*RA Intervention Fund*) dan berapa banyak syarikat yang telah bermula menerima dana daripada *RA Intervention Fund*.
32. PR-1432-L09469
Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan jumlah aset terkini Tabung Haji. Adakah benar Kerajaan terdahulu telah menjual banyak aset Tabung Haji dan membiarkan Tabung Haji dikuasai oleh orang bukan Islam.
33. PR-1432-L09682
Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan penambahbaikan sektor awam dan swasta dalam sektor kesihatan yang telah dirangka di dalam Dasar Sihat Bersama 2030.
34. PR-1432-L09900
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan :-
- (a) apakah langkah-langkah Kementerian dalam meningkatkan pemasaran kelapa sawit ke luar negara terutamanya ke negara China ; dan
 - (b) apakah perancangan Kementerian dalam meningkatkan keyakinan dan kebolehpasaran kelapa sawit ke Kesatuan Eropah.

35. PR-1432-L09648
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian Malaysia terhadap cadangan '*two-state solution*' serta pelan '*Deal of the Century*' yang dianggap sebagai jalan pintas Israel dan Amerika Syarikat menormalisasi untuk merampas tanah Palestin keseluruhannya.
36. PR-1432-L09824
Tuan R. Sivarasa [Sungai Buloh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan alasan Kerajaan baru menarik balik pendakwaan Riza Aziz atas 5 tuduhan undang-undang anti penyeludupan wang haram yang melihatkan wang haram lebih kurang USD 248 juta atau RM1.064 bilion.
37. PR-1432-L09847
Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kemajuan penyediaan mekanisme untuk pendaftaran secara automatik kepada semua rakyat yang berumur 18 tahun ke atas untuk jadi pengundi sebelum PRU15.
38. PR-1432-L09584
Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Ahli-Ahli Kabinet sekarang dikehendaki untuk membuat pengisytiharan harta secara terbuka dan dipaparkan di laman web SPRM. Senaraikan Ahli-Ahli Dewan yang belum mengisytiharkan harta kepada Yang Dipertua Dewan Rakyat dan GIACC/SPRM lanjutan daripada usul yang diluluskan oleh Dewan Rakyat pada tahun 2019.
39. PR-1432-L09776
Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah perancangan dan persediaan pihak Kerajaan bagi menghadapi cubaan untuk mewujudkan halangan dagangan kepada industri minyak sawit negara oleh negara-negara dalam Kesatuan Eropah, yang telah mula melobi untuk menetapkan tahap bahan cemar di dalam minyak sawit menepati tahap *3-monochloropropane diol* (3-MCPD).
40. PR-1432-L09837
Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi tujuan mengharamkan kegiatan lompat parti yang boleh menyebabkan ketidakstabilan politik dan sekiranya tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

41. PR-1432-L09998
Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan komitmen untuk membina sebuah hospital dalam kawasan Kapar yang mempunyai keperluan terlalu tinggi dengan kepadatan penduduk seramai lebih 200,00 orang penduduk.
42. PR-1432-L09133
Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah saman mengikut negeri-negeri yang telah dikeluarkan kepada individu yang merokok di kawasan larangan serta jumlah kutipan denda yang telah diterima.
43. PR-1432-L09963
Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah status aset-aset usang bukan kapal milik TLDM seperti trak/lori 3 tan yang terlibat dengan kemalangan maut di Ranau baru-baru ini dan helikopter Super Lynx yang sepatutnya sudah ditukar.
44. PR-1432-L09935
Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) bilangan banduan akhir setakat ini mengikut pecahan kewarganegaraan/etnik bagi warganegara, jenis tuduhan, jantina, umur dan bilangan tahun sebagai banduan akhir; dan
 - (b) apakah perancangan Kerajaan untuk memansuhkan hukuman gantung mandatori bagi kesalahan di bawah hukuman gantung mandatori dan bagaimanakah Kerajaan berhasrat untuk memperbaiki '*criminal justice system*' di negara Malaysia.
45. PR-1432-L09213
Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan memulihkan semula autonomi Parlimen dengan membentangkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen seperti yang dijanjikan oleh pentadbiran yang lepas.
46. PR-1432-L09884
Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah persediaan yang telah Kementerian tetapkan jika negara berdepan dengan gelombang kedua COVID-19.

47. PR-1432-L09585
Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk meminda undang-undang sedia ada khasnya *Houses of Parliament (Privileges and Powers) Act 1952* untuk membolehkan prosiding Jawatankuasa Parlimen dijalankan secara terbuka.
48. PR-1432-L09593
Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pelan Kementerian menyokong penghasilan ubat-ubatan versi generik menerusi perlesenan wajib yang telah dilaksanakan pada tahun 2019 bagi ubat Hepatitis C, Sofosbuvir, dalam usaha mengurangkan harga pasaran ubatan terbabit agar ianya dapat diakses oleh semua lapisan masyarakat terutama golongan B40.
49. PR-1432-L09970
Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berapa jumlah lesen perniagaan yang telah diluluskan dan dikeluarkan kepada penjaja kecil di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
50. PR-1432-L08948
Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan perancangan program pembangunan seperti menambah baik sistem perparitan bagi menyelesaikan masalah banjir kilat di kawasan kampung di Wangsa Maju.
51. PR-1432-L09321
Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kadar kemiskinan terkini serta status penyemakan semula Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) supaya lebih menggambarkan masalah kemiskinan sebenar masyarakat Malaysia.
52. PR-1432-L09959
Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan akan melantik skim-skim profesional seperti doktor (U), jurutera (J) dan guru (DG) sebagai Ketua Setiausaha Kementerian (KSU) di Kementerian berkenaan berdasarkan prestasi mereka yang sangat memberangsangkan seperti yang ditunjukkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

53. PR-1432-L08816
Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apa perkembangan terkini mengenai keputusan memberi hak bekerja secara sah kepada orang pelarian dan apakah kandungan polisi yang dicadangkan.
54. PR-1432-L09088
Puan Noorita binti Sual [Tenom] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah PATI di Sabah, setelah pembatalan PSS.
55. PR-1432-L09983
Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk membantu Labuan dalam pelaksanaan projek-projek infrastruktur kecil di Labuan yang mana terlalu banyak permohonan-permohonan dari ketua-ketua kampung di seluruh Labuan masih tertangguh pelaksanaannya.
56. PR-1432-L09938
Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rancangan jangka masa pendek, jangka masa sederhana, dan jangka masa panjang Kerajaan bagi menangani gejala kanak-kanak Palauh minta sedekah yang berleluasa di sekitar bandar-bandar utama di Sabah, terutamanya di Kota Kinabalu, Lahad Datu, Sandakan dan Tawau.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**1. Menteri Dalam Negeri akan mencadangkan :-**

"Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu."

2. Perdana Menteri akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini mengambil ketetapan untuk Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Mohamad Ariff bin Md Yusof mengosongkan jawatannya atas alasan terdapat pencalonan lain bagi jawatan Tuan Yang di-Pertua."

3. Perdana Menteri akan mencadangkan :-

"Saya mohon mencadangkan bahawa Yang Berbahagia Datuk Azhar bin Azizan @ Harun dipilih menjadi Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan mengikut Peraturan Mesyuarat 4(1), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, saya telah memastikan bahawa beliau bersetuju untuk berkhidmat jika dipilih."

4. Perdana Menteri akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini mengambil ketetapan untuk Timbalan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Nga Kor Ming, Ahli Parlimen Teluk Intan mengosongkan jawatannya atas alasan terdapat pencalonan lain bagi jawatan Timbalan Tuan Yang di-Pertua."

5. Perdana Menteri akan mencadangkan :-

"Saya mohon mencadangkan bahawa Yang Berhormat Dato' Sri Azalina binti Othman Said, Ahli Parlimen Pengerang dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan mengikut Peraturan Mesyuarat 6(2) yang dibaca bersama Peraturan 4(1), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, saya telah memastikan bahawa beliau bersetuju untuk berkhidmat jika dipilih."

6. **Perdana Menteri** akan mencadangkan :-

"Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 76, Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, saya mohon mencadangkan supaya Ahli Yang Berhormat berikut :

(1) Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, Ahli Parlimen Gombak;

(2) Yang Berhormat Dato' Seri Hamzah bin Zainudin, Ahli Parlimen Larut;

(3) Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Ahli Parlimen Bagan Datuk;

(4) Yang Berhormat Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof, Ahli Parlimen Petra Jaya;

(5) Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, Ahli Parlimen Marang; dan

(6) Yang Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Ahli Parlimen Port Dickson.

dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pemilih di bawah Peraturan Mesyuarat 76 untuk tempoh Parlimen Keempat Belas, bagi menggantikan Ahli-Ahli Yang Berhormat seperti berikut:

(1) Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin bin Yassin, Ahli Parlimen Pagoh;

(2) Yang Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Ahli Parlimen Bera;

(3) Yang Berhormat Dato' Seri Dr Wan Azizah binti Wan Ismail, Ahli Parlimen Pandan;

(4) Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu, Ahli Parlimen Kota Raja;

(5) Yang Berhormat Datuk Ignatius Darell Leiking, Ahli Parlimen Penampang; dan

(6) Yang Berhormat Tuan Tan Kok Wai, Ahli Parlimen Cheras."

7. **Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]** akan mencadangkan :-

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Keempat Belas. "

8. (D.R 37/2019) Rang Undang-Undang Racun (Pindaan) 2019 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Kesihatan]

9. (D.R 42/2019) Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 2019 "

[Perdana Menteri]

10. (D.R. 25/2019) Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 "

[Perdana Menteri]

11. PR-1432-UL064
Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] akan mencadangkan :-

"BAHAWA mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5), maka Penyata Jawatankuasa Pilihan yang dibentangkan di atas meja Mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Kertas DR.10 Tahun 2019 hendaklah diterima dan dipersetujui."

12. PR-1432-U(27)116
Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa usul kewarganegaraan. Menyedari hakikat bahawa terdapat pelbagai pengakuan melalui sesi-sesi pendengaran awam oleh pelbagai Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen tentang penglibatan mereka dalam pemberian kad-kad pengenalan secara haram di Sabah dan menerima laporan pelbagai kajian di Sabah yang mendapati pengakuan responden pernah membayar pegawai-pegawai

Jabatan Pendaftaran sebagai sogokan untuk mengeluarkan kad-kad pengenalan secara haram dan menerima hakikat bahawa terdapat kadar pertumbuhan yang sangat luar biasa di negeri Sabah yang dengan sendirinya membuktikan bahawa adanya pemberian kad-kad pengenalan secara haram dan rasuah. Dan menerima hakikat bahawa Ketua Audit Negara Tahun 2018 telah melaporkan bahawa terdapat 100,000 pelancong daripada negara China dan India yang datang ke negara ini tetapi didapati tidak ada rekod balik ke negara asal. Dan demi untuk membersihkan daftar penduduk warganegara Malaysia di Sabah maka Dewan Yang Mulia ini dengan ini membuat keputusan bahawasanya kad-kad pengenalan yang ada sekarang hendaklah ditukar dengan kad pengenalan yang baru di mana setiap penduduk yang mempunyai kad pengenalan hendaklah memohon untuk mendapatkan kad pengenalan yang baru ini dengan menggunakan dokumen-dokumen seperti surat atau sijil beranak yang sah. "

[Perdana Menteri]

13. PR-1432-U(27)114

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Bahawa mencadangkan Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 63 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan Impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU 14."

[Menteri Perpaduan Negara]

14. PR-1432-U(27)115

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Bahawa mencadangkan Kerajaan memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

15. PR-1432-U(27)119

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan dari mana diperoleh peruntukan mengurus dan merangsang ekonomi semasa pandemik COVID-19 hingga sekarang yang berjumlah lebih dari RM250 bilion itu. Ini adalah kerana peruntukan ini melebihi kemampuan kewangan negara yang dianggarkan sekitar RM200 bilion sahaja. Kerajaan Pakatan Harapan dahulu pula menyatakan bahawa kedudukan kewangan Kerajaan adalah kritikal dengan hutang negara melebihi RM1 trilion."

[Menteri Kewangan]

16. PR-1432-U(27)120

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya merancang pembinaan jeti Kuala Perlis yang baru kerana pada masa ini jeti tersebut mengalami mendapan yang tinggi (6 meter setahun) dan telah mengganggu kelancaran perjalanan feri-feri penumpang, kapal-kapal kargo dan bot-bot ikan yang mana telah menjejaskan ekonomi negara. Pembinaan jeti ini dicadang dibina 3km dari muara Kuala Perlis yang juga boleh berfungsi sebagai halangan kepada kemasukan penyeludup-penyeludup dan pendatang asing tanpa izin. Jeti ini juga boleh berfungsi sebagai sempadan di lautan."

[Menteri Pengangkutan]

17. PR-1432-U(27)121

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membuka semula '*Free Flow 2KM*' di sempadan Wang Kelian Perlis bagi menjana perkembangan ekonomi yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2008. Semasa adanya "*Free Flow*" ini, Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand."

[Menteri Dalam Negeri]

18. PR-1432-U(27)122

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap kedudukan pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia dan telah luput tarikh visa lawatan mereka, berapa jumlah mereka yang telah tamat tempah visa lawatan, apakah usaha-usaha untuk menjejaki mereka dan berapa jumlah mereka yang telah dihantar pulang ke negara masing-masing serta berapa pula yang masih berada dalam negara."

[Menteri Dalam Negeri]

19. PR-1432-U(27)123
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap Kapal *Coast Guard* China yang berlabuh di Beting Patinggi Ali sejak tahun 2013 lagi di mana kawasan tersebut merupakan kawasan perairan Malaysia yang memberi implikasi bahawa satu pencerobohan telah berlaku keatas kedaulatan negara di samping menjejaskan aktiviti-aktiviti cari gali minyak dan juga perikanan rakyat kita. Ia juga memberi implikasi sebuah negara besar sedang membuli negara kita."
[Perdana Menteri]
20. PR-1432-U(27)124
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya Akta Pengangkutan Jalan (APJ 1987) dipinda bagi membolehkan pesalah-pesalah pemandu mabuk yang memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah dan menyebabkan kematian agar dimasukkan klausa memberi hukuman setimpal seperti hukuman mati jika telah menyebabkan kematian."
[Menteri Pengangkutan]
21. PR-1432-U(27)126
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya satu peraturan baru diperkenalkan bagi menangani dan mengawal aktiviti pembalakan di negeri-negeri Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Pembalakan yang tanpa kawalan telah menyebabkan bencana alam yang sering terjadi saban tahun seperti hakisan tanah, banjir dan ketidakseimbangan kepada ekosistem negara."
[Menteri Tenaga Dan Sumber Asli]
22. PR-1432-U(27)127
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-
"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya diwujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khususnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru."
[Menteri Pertanian Dan Industri Makanan]

23. PR-1432-U(27)128

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi membolehkan dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

[Menteri Pendidikan]

24. PR-1432-U(27)125

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengisytiharkan kadar pengangguran semasa yang dijangka akan mencecah sehingga 5% dari jumlah tenaga kerja dan apakah perancangan-perancangan khusus Kerajaan bagi menangani kadar pengangguran yang agak tinggi ini. Dengan kadar pengangguran yang tinggi ini ditambah pula dengan jumlah golongan B40 yang juga tinggi boleh memberikan implikasi yang tidak sihat pada ekonomi negara."

[Perdana Menteri]

25. PR-1432-U(27)117

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa agar Kerajaan meneliti serta mengkaji suatu kaedah baru untuk meningkatkan keselamatan kad pengenalan serta pasport antarabangsa agar ianya tidak mudah untuk sedikit melakukan pemalsuan dokumen tersebut. Menurut laporan yang dikeluarkan Ketua Audit Negara 2018 (Siri 2) bulan Disember 2019 terdapat lebih 100 ribu orang warga asing tiada rekod keluar dari Malaysia dan masih berada dalam negara. daripada laporan audit tersebut terdapat seramai 76,258 orang pelancong China dan 39,806 orang pelancong India tiada rekod keluar dari Malaysia dan masih berada dalam Malaysia. Dengan kebanjiran warga asing tanpa kawalan dan penjualan dokumen MyKad serta Sijil Kelahiran, membuatkan keselamatan negara berada dalam keadaan yang amat merbahaya."

[Menteri Dalam Negeri]

26. PR-1432-U(27)118

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa agar Kerajaan menghantar pulang semua pendatang asing tanpa izin (PATI) dan pekerja asing berdokumen yang telah tamat tempoh ke negara masing-masing bagi menjamin peluang pekerjaan yang melibatkan rakyat tempatan. Sebelum ini Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) telah mengeluarkan kenyataan bahawa majikan-majikan di negara ini bakal mengurangkan tenaga pekerja sebanyak 50 peratus, justeru keutamaan bagi mengekalkan tenaga kerja perlu tertumpu ke arah pekerja tempatan. Berdasarkan Akta Pekerja 1955, jika berlaku sebarang pengurangan tenaga pekerja oleh pihak majikan, perkhidmatan pekerja asing yang harus ditamatkan terlebih dahulu dan majikan harus mendahului keperluan pengekalan tenaga kerja tempatan. Bagi mengisi kekosongan pekerjaan yang ditinggalkan pekerja asing, Kerajaan perlu mendaftarkan semula tenaga kerja tempatan untuk mengisi kekosongan tersebut dengan pekerja-pekerja tempatan yang telah diberhentikan kerja oleh majikan-majikan dari negara luar seperti Singapura semasa tempoh COVID-19. Langkah Kerajaan menghantar pulang PATI dan pekerja asing ke negara masing-masing adalah tepat kerana tindakan itu bukan sahaja dapat menjamin peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan, bahkan dapat mengawal penularan wabak COVID-19 daripada tidak terkawal."

[Menteri Sumber Manusia]

27. PR-1432-U(27)129

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Langkawi untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh tidak mempunyai keyakinan majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

28. PR-1432-U(27)132

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Pasir Puteh untuk mencadangkan ucapan setinggi-tinggi tahniah atas perlantikan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin, Ahli Parlimen Pagoh, sebagai Perdana Menteri Malaysia Yang Ke-8 dan menyatakan kepercayaan penuh terhadap kepimpinan beliau dan berikrar akan memberikan kerjasama dan sokongan sepenuhnya kepada beliau bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya."

[Perdana Menteri]

29. PR-1432-U(27)131

Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut :

Bahawasanya Dewan ini, mengalu-alukan dan menyanjung tinggi serta mengucapkan tahniah atas pelantikan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8;

Bahawasanya pelantikan ini akan menyerlah lagi kepemimpinan dan menonjolkan keupayaan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepimpinan yang dihormati, penyayang serta perihatin terhadap rakyat;

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang gemilang dalam menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat negara ini dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah mencetuskan idea dan menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVID-19 melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta berjanji memberi komitmen, kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan penuh terhadap YAB Ahli Parlimen Pagoh selaku Perdana Menteri Malaysia; dan

Dengan ini, bahawasanya Dewan ini berdiri teguh serta menyokong sepenuhnya pelantikan dan kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8."

[Perdana Menteri]

30. PR-1432-U(27)130

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut :

Bahawanya Dewan ini mengalu-alukan pelantikan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8 dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah;

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang amat cemerlang dalam menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dan mengambil tindakan yang tepat melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Bahawasanya pelantikan ini akan menyerlahkan lagi kepimpinan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepemimpinan yang penyayang, prihatin dan dihormati rakyat;

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta memberikan kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan sepenuhnya terhadap kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri."

[Perdana Menteri]

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 13.07.2020 (Isnin)	1. YB Tuan Wong Hon Wai (Bukit Bendera)	1. Peruntukan Untuk Pembangunan Hospital dan Klinik Kesihat Di Bukit Bendera	1. YB Menteri Kesihatan
2. 13.07.2020 (Isnin)	2. YB Tuan Chan Foong Hin (Kota Kinabalu)	2. Kanak-kanak Palauh minta sedekah di bandar-bandar utama di Sabah	2. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**